



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SEJARAH PERKEMBANGAN PENANAMAN KOKO DI PAHANG BARAT, TAHUN 1930-TAHUN 1957

NORSUZIELA BINTI ALIAS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

**SEJARAH PERKEMBANGAN PENANAMAN
KOKO DI PAHANG BARAT,
TAHUN 1930-TAHUN 1957**

NORSUZIELA BINTI ALIAS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (/)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)(bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, NORSUZIELA BINTI ALIAS (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk SEJARAH PERKEMBANGAN PENANAMAN KULUP DI PAHANG BARAT, TAHUN 1930 - TAHUN 1957

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

S.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF MADYA DR. MAHRI B ARIFFIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk SEJARAH PERKEMBANGAN PENANAMAN KULUP DI PAHANG BARAT, TAHUN 1930 - TAHUN 1957

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARTANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

6/7/21

Tarikh


PROF MADYA DR. MAHRI B ARIFFIN
Tandatangan Penyelia
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: SEJARAH PERLUASAN PENANAMAN KOKO
D I PAHANG BARAT, TAHUN 1930 - TAHUN 1957

No. Matrik / Matic's No.: M20132001589

Saya / I : NORSYAZIELA BINTI ALIAS

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 15/7/21

PROF MADYA DR. KHAIRI BIN ARIFFIN
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Komuniti
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkaitan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dengan lafaz bismillahirramanirrahim,

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W. kerana dengan limpah, keizinan serta rahmatNya akhirnya tesis ini dapat disiapkan.

Jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Khairi Bin Ariffin selaku penyelia kerana sudi mencerahkan pengalaman, memberi tunjuk ajar dan dorongan yang tidak berbelah bahagi untuk kesempurnaan kajian. Penghargaan juga diberikan kepada pensyarah-pensyarah dari Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Sekalung perhargaan juga penulis tujuhan kepada semua kakitangan di Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Cawangan Pahang, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Tunku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Pendeta Za'ba Universiti Malaya dan Perpustakaan Negara kerana bantuan dan kemudahan yang telah diberikan kepada penulis sepanjang penyelidikan telah mempermudahkan lagi kajian dan penyelidikan dijalankan.

Tidak dilupakan ucapan terima kasih dan teristimewa kepada ayahanda yang tersayang iaitu Allahyarham Alias Bin Ibrahim dan ibu yang tercinta iaitu Zarah Binti Awang yang banyak berkorban dan menyokong serta sentiasa mendoakan kejayaan anakmu. Tidak dilupakan juga terima kasih kepada suami tercinta iaitu Mashafizullah Bin Mhd Ali Shah yang banyak memberi dorongan dan semangat serta berkorban masa untuk memastikan penulis dapat menyiapkan tesis ini. Terima kasih tidak terhingga juga kepada kakak penulis Norhanizah Binti Alias sekeluarga kerana sanggup berkorban masa menjaga anak-anak penulis sepeninggalan penulis dalam menyiapkan tesis dan buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Akhir sekali, sekalung doa penulis panjatkan kepadaNya atas curahan rahmat yang telah diberikan. Terima kasih diucapkan kepada semua dan segala jasa tetap dikenang.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis perkembangan penanaman koko di Pahang Barat antara tahun 1930 - 1957. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dan manuskrip digunakan dalam kajian ini. Sumber utama diperolehi dari Arkib Negara Malaysia dengan merujuk fail-fail kolonial British seperti *Pahang Annual Report*, *District Office Files*, *Secretariat Files of Pahang* dan fail-fail kerajaan Pahang manakala sumber sekunder pula adalah dikumpul daripada jurnal, buku dan majalah koko. Dapatkan kajian ini menunjukkan pengenalan tanaman koko di Pahang Barat oleh pihak British disebabkan faktor kesesuaian tanah, keluasan daan iklim yang sesuai dengan tanaman koko. Pelbagai dasar dan insentif telah dilaksanakan oleh pihak British untuk menarik minat petani terlibat dengan penanaman koko di Pahang Barat. Penglibatan masyarakat tempatan dalam penanaman koko di Pahang Barat telah menyebabkan tanaman ini berjaya dimajukan dan menyumbang kepada pendapatan negeri Pahang pada era kolonial sehingga menjadikan Pahang sebagai salah satu pengeluar koko dalam negeri-negeri Melayu Bersekutu. Pelbagai masalah dan cabaran turut dihadapi oleh pihak British dalam memajukan tanaman koko di Pahang Barat. Namun demikian pihak British tetap berusaha mengatasi masalah ini demi memastikan pengeluaran hasil tanaman koko sentiasa bertambah. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan Pahang Barat pernah menjadi salah satu pengeluar koko yang penting pada era penjajahan British. Implikasi kajian ini menunjukkan dasar pertanian koko di Malaysia perlu memberi perhatian kepada Pahang Barat kerana kesesuaian tanah dan iklim berdasarkan kepada pengalaman ketika pentadbiran Barat.





HISTORY OF COCOA CULTIVATION DEVELOPMENT IN WEST PAHANG,

YEAR 1930-YEAR 1957

ABSTRACT

This study aims to analyze the development of cocoa cultivation in West Pahang between 1930 - 1957. A qualitative approach with the design of document analysis and manuscript was used in this study. The main sources are derived from the National Archives of Malaysia by reference to British colonial files such as the Pahang Annual Report, District Office Files, Secretariat Files of Pahang and the Pahang government files while secondary sources are collected from journals, books and cocoa magazines. The findings of this study show that the introduction of cocoa in West Pahang by the British was due to factors such as soil adaptation, climate and climate. Various policies and incentives have been implemented by the British to attract farmers involved in cocoa cultivation in West Pahang. The involvement of local communities in the cultivation of cocoa in West Pahang have caused this plant successfully developed and contribute to state revenue in the colonial era that makes Pahang as one producer of cocoa in the Federated Malay States. Many problems and challenges were encountered by the British in developing cocoa in West Pahang. However, the British continued to overcome this problem to ensure that production of cocoa crops continued to increase. The findings of this study show that West Pahang was one of the most important cocoa producers in the British colonial era. The implications of this study indicate that the policy of cocoa farming in Malaysia needs to pay attention to West Pahang because of its suitability of land and climate based on the experience of Western administration.





KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN	ii
-----------------	----

PENGHARGAAN	iii
--------------------	-----

ABSTRAK	iv
----------------	----

ABSTRACT	v
-----------------	---

KANDUNGAN	vi
------------------	----



SENARAI RAJAH	xii
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xiii
--------------------------	------

SENARAI LAMPIRAN	xiv
-------------------------	-----

BAB 1 PENGENALAN	
-------------------------	--

1.1 Pendahuluan	1
-----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	2
---------------------------	---

1.3 Permasalahan Kajian	2
-------------------------	---

1.4 Objektif Kajian	4
---------------------	---





1.5 Soalan Kajian	4
1.6 Skop Kajian	5
1.7 Kepentingan Kajian	5
1.8 Metodologi Kajian	6
1.9 Kajian Lepas	9
1.10 Definisi Istilah	24
1.11 Pembahagian Bab	26
1.12 Kesimpulan	28



2.1 Sejarah Pahang	31
2.2 Kedudukan Geografi	32
2.3 Komposisi masyarakat	35
2.4 Kegiatan sosioekonomi Pahang Sehingga Merdeka	42
2.5 Perkembangan Jalan Perhubungan	63
2.6 Kesimpulan	65



**BAB 3 PERKEMBANGAN PENANAMAN KOKO DI PAHANG BARAT**

3.1 Sejarah penanaman koko	70
3.2 Perkembangan tanaman koko zaman kolonial di Pahang Barat	79
3.2.1 Faktor kesesuaian Tanaman Koko	84
3.2.2 Kesesuaian Taburan Hujan	85
3.2.3 Kesesuaian Tanah	85
3.3 Dasar kolonial British terhadap Tanaman Koko di Pahang Barat	87
3.3.1 Pembukaan Tanah (Kebun Kecil dan Ladang)	95
3.3.2 Pembukaan Stesen Percubaan Persekutuan	104
3.3.3 Pemberian lesen di Pahang Barat	107
3.3.4 Kawalan harga pasaran	109
3.3.5 Penggredan koko	110
3.3.6 Penubuhan Lembaga Pekerja	114
3.3.7 Bantuan kerajaan	115
3.4 Kesimpulan	117



**BAB 4 KESAN DAN KEPENTINGAN TANAMAN KOKO PAHANG BARAT**

4.1 Sumbangan kepada kolonial British	127
4.2 Perkembangan tanaman komersil koko	129
4.3 Eksport koko	139
4.4 Perkembangan pasaran koko	143
4.5 Kesan kepada masyarakat Melayu	144
4.6 Penglibatan Orang Cina dalam tanaman koko di Pahang Barat	145
4.7 Pembukaan Sekolah Pertanian	148
4.8 Pemasaran Koko	150
4.9 Kesimpulan	152

BAB 5- MASALAH DAN CABARAN TANAMAN KOKO DI PAHANG BARAT

5.1 Persaingan dengan tanaman lain	156
5.2 Masalah modal	157
5.3 Serangan penyakit dan perosak tanaman koko	158
5.4 Masalah banjir	170
5.5 Mutu Koko Kurang Sesuai	171
5.6 Masalah Harga Pasaran	172





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

5.7 Persaingan dengan coklat sintetik	172
5.8 Kesimpulan	174
BAB 6 RUMUSAN	177
RUJUKAN	188



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Anggaran jumlah penduduk Pahang 1888 dan 1891	36
2.2 Anggaran jumlah penduduk Negeri Sembilan dan Pahang pada tahun 1921 dan 1931	59
3.1 Perbelanjaan pembangunan industri koko dari Tahun 1930 - Tahun 1957	94
4.1 Bekalan anak benih koko di Kuala Lipis pada tahun 1949	132
4.2 Hasil pengeluaran koko di Temerloh pada tahun 1950	133
4.3 Keluasan Tanaman Koko Di Kampung Awah, Temerloh	136
4.4 Hasil tanaman koko di Stesen Percubaan Persekutuan, Jerangau	138
4.5 Hasil pengeluaran dan penggunaan koko dunia	142
5.1 Hasil tanaman koko di Stesen Pertanian Temerloh pada tahun 1948	161
5.2 Hasil tanaman koko mengikut pod di Pahang Barat pada tahun 1938 dan 1940	168
5.3 Faktor-faktor kejayaan atau kegagalan pengeluaran hasil koko di Pahang Barat	169





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

SENARAI RAJAH

No. Rajah

2.1 Peta Pahang Barat

Muka Surat

34



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

A. O.	<i>Agriculture Office</i>
Cadbury's Ltd	<i>Cadbury's Limited.</i>
F.E.S	<i>Federal Experiment Station</i>
F.S	<i>Federated State</i>
IADP	<i>Integrated Agriculture Development Project</i>
LKM	Lembaga Koko Malaysia
M.A.	<i>Minister for Agriculture</i>
M.N.R.	<i>Member for Natural Resources</i>
M.U.	<i>Malayan Union</i>
Malayan Cocoa Ltd.	<i>Malayan Cocoa Limited</i>
MARDI	<i>Malaysian Agricultural Research and Development Institute</i>
NNS	Negeri-negeri Selat
NNMB	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
RIDA	<i>Rural and Industrial Development Authority</i>
S.A.	<i>State of Agriculture</i>
S.A.O	<i>State Agricultural Officer</i>
SUK	Setiausaha Kerajaan





SENARAI LAMPIRAN

- A Penyata daripada Lembaga Pekerja yang ditubuhkan untuk menyelidik cara-cara yang boleh memajukan perusahaan koko di dalam Persekutuan Tanah Melayu 1955.
- B Jenis serangga yang menyerang pokok di kawasan tanaman koko termasuk Pahang Barat.
- C Hasil tanaman ladang koko di Temerloh pada tahun 1949
- D Hasil buah koko di ladang koko Temerloh pada tahun 1950.
- E Hasil tanaman koko yang baik dan yang rosak di ladang koko Temerloh pada tahun 1948 dan 1949.
- F Hasil koko di Temerloh yang rosak akibat serangan tupai dan serangga Helopeltis
- G Akhbar *Fortnightly Press Digest* yang menyiaran perancangan tanaman koko di Pahang sebanyak 15,000 ekar tanah pada tahun 1955.
- H Akhbar *The Malay Mail* yang bertarikh 6.6.1955 berkaitan dengan negeri Pahang dicadangkan sebagai kawasan tanaman koko
- I Akhbar *The Straits Times* yang bertarikh 3 Mei 1955 yang menyiaran berkaitan perancangan kerajaan untuk memajukan koko di Pahang
- J Lawatan Professor Cheeseman iaitu Ketua Pegawai Penyelidik Tanaman Koko ke Malaya termasuk negeri Pahang untuk melihat kesesuaian tanah dan tanaman ini dijalankan di Pahang
- K Surat berkaitan dengan sumber dana kewangan bagi tanaman koko di Pahang iaitu yang melibatkan RIDA, Jabatan Pertanian Negeri dan Jabatan Pembangunan Negeri Pahang
- L Jumlah hasil pengeluaran mengikut tempat dan keluasan di Pahang Barat pada tahun 1954 – 1958
- M Surat daripada Jabatan Pertanian Negeri Pahang kepada Pejabat Tanah Pahang yang memaklumkan akan dibangunkan tanaman koko di Kampung Awah dan penglibatan orang Jawa dalam penanaman koko di kawasan tersebut





- N Surat daripada Chong Koon Lin yang berbangsa Cina yang dihantar kepada Pejabat Tanah Temerloh yang menyatakan minat mengusahakan tanah bagi tanaman koko di Temerloh
- O Surat berkaitan dengan jumlah perbelanjaan bagi penyelidikan tapak eksperimen di Pahang pada tahun 1956
- P Hasil laporan lawatan Pakar Agronomi ke Temerloh tentang perkembangan tanaman koko di Kampung Awah





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Kajian terhadap koko dipilih kerana koko merupakan salah satu tanaman yang terpenting ketika zaman kolonial British selain daripada tanaman komersil lain seperti getah dan kelapa sawit. Tanaman koko telah diperkenalkan oleh pihak British kesan daripada kejatuhan harga getah. Perkembangan tanaman koko juga adalah seiring dengan tanaman-tanaman lain seperti kelapa dan kopi kerana kedua-dua tanaman ini telah dijadikan tanaman selingan.

Dasar pertanian British terhadap tanaman koko di Pahang Barat telah banyak mempengaruhi perkembangan tanaman ini iaitu dalam penyediaan pelbagai insentif untuk para petani dan telah memberi kesan kepada taraf hidup masyarakat di Pahang Barat. Pihak British juga memainkan peranan utama dalam memajukan kegiatan tanaman koko di Pahang Barat iaitu dengan memberi galakan dan bimbingan kepada





para petani. Namun tujuan bantuan pihak British ini sebenarnya bukan untuk kepentingan dan kemajuan masyarakat tempatan tetapi lebih bermotifkan keuntungan kepada pihak British iaitu dengan mengaut segala keuntungan hasil ekonomi di Pahang Barat. Pembangunan Pahang Barat turut diabaikan sehingga tertinggal dari segi arus pemodenan berbanding negeri-negeri lain.¹ Namun kini, tanaman ini mengalami zaman kejatuhan dan kurang giat dijalankan terutama di kawasan Pahang Barat.

1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian Pahang Barat ialah meliputi kawasan atau daerah Raub, Bentong, Maran, Temerloh, Jerantut dan Kuala Lipis. Kawasan ini merupakan kawasan pengeluar koko yang utama dalam negeri Pahang dan menjadi pengeluar koko yang penting pada era penjajahan British.

1.3 Permasalahan Kajian

Koko merupakan salah satu tanaman komersil yang sangat penting pada zaman kolonial British dan banyak ditanam di negeri-negeri Melayu terutamanya di sebelah pantai Barat. Contohnya seperti di Perak dan Selangor. Walau bagaimanapun, Pahang Barat juga merupakan kawasan pengeluaran tanaman koko yang penting.





Wilayah Pahang Barat digambarkan sebagai kawasan yang terpencil dan tertinggal daripada arus pembangunan kolonial berbanding kawasan lain di negeri-negeri Melayu. Namun, tanaman koko di Pahang Barat juga didapati sangat penting pada era kolonial setara dengan kegiatan ekonomi lain seperti getah dan kelapa sawit sehingga British melaksanakan pelbagai dasar dan memberi bantuan kepada para petani bagi memajukan tanaman koko di Pahang Barat. Terdapat juga penglibatan syarikat-syarikat besar kolonial dalam perkembangan tanaman koko di wilayah Pahang Barat seperti syarikat Nestle, Sime Darby dan Harisson and Crossfield, manakala masyarakat tempatan seperti orang Melayu hanya terlibat secara kecil-kecilan kerana orang Melayu lebih banyak tertumpu dalam sektor ekonomi pertanian seperti penanaman padi. Selain itu, kesan pengenalan tanaman koko oleh kolonial British telah membawa kepada penerokaan dan pembukaan tanah-tanah baru untuk tujuan perusahaan tanaman koko. Hal ini kerana koko dianggap sebagai penyumbang kepada sektor komoditi perdagangan negeri Pahang dan menjadi merupakan hasil eksport negara dan merupakan tanaman yang boleh memberi keuntungan kepada pihak kolonial British. Banyak tanah-tanah baru juga dibuka untuk menjayakan perusahaan tanaman koko di Pahang Barat.





1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian bertujuan meneliti sejarah perkembangan penanaman koko di Pahang Barat bermula tahun 1930 hingga 1957 iaitu zaman sebelum merdeka.

Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengkaji tentang latar belakang Pahang Barat
- ii. Mengkaji perkembangan penanaman koko di Pahang Barat sebelum merdeka
- iii. Mengkaji kesan dan kepentingan tanaman koko Pahang Barat terhadap pembangunan masyarakat tempatan
- iv. Menganalisis masalah dan cabaran sektor penanaman koko di Pahang Barat



1.5 Soalan Kajian

- i Bagaimanakah latar belakang Pahang Barat sebelum merdeka?
- ii Sejauh manakah perkembangan penanaman koko di Pahang Barat sebelum merdeka ketika era penjajahan British?
- iii Apakah kesan dan kepentingan tanaman koko Pahang Barat terhadap British dan masyarakat tempatan?
- iv Jelaskan masalah dan cabaran yang dihadapi dalam memajukan tanaman koko di Pahang Barat?





1.6 Skop Kajian

Skop kajian ialah bermula pada tahun 1930 sehingga tahun 1957 iaitu selama 27 tahun. Tahun 1930 menjadi pemilihan tahun kajian ialah kerana merupakan tahun kemasukan tanaman koko di Tanah Melayu. Selain itu, berlaku kemelesetan ekonomi dunia yang menyebabkan harga getah jatuh dan harga koko tinggi di pasaran dunia. Manakala tahun 1957 dijadikan tahun berakhirnya skop kajian kerana merupakan tahun kemerdekaan negara. Kajian ini juga lebih menumpukan kepada sejarah dan perkembangan tanaman koko di Pahang Barat pada zaman sebelum kemerdekaan negara iaitu zaman pra kolonial British. Selain pengenalan tanaman komersil lain, koko juga merupakan salah satu tanaman penting pada zaman era kolonial British. Kajian juga berfokus kepada kawasan Pahang Barat yang meliputi enam buah daerah iaitu daerah Raub, Bentong, Maran, Temerloh, Jerantut dan Kuala Lipis. Pahang Barat menjadi skop kajian kerana kawasan ini merupakan kawasan pengeluar koko yang utama dalam negeri-negeri Melayu Bersekutu dan menjadi pengeluar koko yang penting pada era penjajahan British.

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk menjadi rujukan kepada penyelidik-penyelidik lain sebagai perintis kepada bidang kajian lain memandangkan sektor pertanian tanaman koko telah banyak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi terutama dalam sektor industri pemakanan negara dan pengeluaran eksport negara.





Selain itu, kepentingannya juga ialah untuk mengkaji tentang latar belakang Pahang Barat dan memperlihatkan Pahang Barat sebagai salah sebuah negeri yang memberi sumbangan terbesar bagi pengeluaran koko kepada negara pada era sebelum merdeka.

Selain itu, kajian mengenai sejarah penanaman koko di Pahang Barat juga perlu diketengahkan memandangkan masih banyak khazanah sejarah yang belum diterokai terutama bidang pencejahan sosio-ekonomi. Melalui kajian ini juga dapat memberi pengetahuan kepada generasi akan datang dalam membuat kajian mengenai sejarah koko dalam negara selain dapat memberi idea dan inspirasi kepada penyelidik-penyelidik yang berminat membuat kajian berkaitan dengan tajuk ini. Selain itu, dapat menambahkan koleksi penyelidikan dalam bidang sosioekonomi dan memberi cadangan-cadangan penyelidikan. Kajian ini juga dapat memberi pandangan dan sumber maklumat kepada pemerintah atau pihak Jabatan Pertanian untuk dijadikan panduan dalam membuat sesuatu dasar atau perangkaan mengenai tanaman koko.

1.8 Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk menghasilkan kajian yang menepati ciri-ciri penulisan sejarah.² Kaedah ini digunakan dengan menganalisis maklumat atau data. Data kualitatif boleh diukur, melalui proses analisis dokumen dan pentafsiran. Terdapat tiga peringkat dalam proses pengkajian iaitu pemilihan bahan, menganalisis sumber, pengumpulan bahan serta persempahan dalam





bentuk penulisan untuk mencapai kebenaran objektifnya.³ Lantaran itu, pengkaji berusaha mengumpul segala data dan maklumat dari sumber primer dan sekunder untuk mengesan dan mengenal pasti sumber yang diperlukan dalam kajian. Pengkaji juga tidak membuat sebarang kenyataan tanpa bukti kukuh yang berasaskan sumber-sumber kerana mengelakkan daripada bias. Oleh itu, pengkaji perlu menulis dalam kajiannya berpandukan sumber asli dan melakukan analisis saintifik dan membuat tafsiran secara hermeneutik.⁴

Selain itu, pengkaji juga menggunakan sumber primer dan sumber sekunder dalam penulisannya. Pengkaji berjaya merujuk dokumen rasmi yang terdapat di Arkib Negara Malaysia serta Arkib Negara Cawangan Pahang sebagai sumber pertama. Sumber-sumber arkib terdiri daripada dokumen rasmi kerajaan seperti fail-fail

kerajaan, laporan tahunan dan surat-surat yang berkaitan dengan tajuk kajian ini.



Sumber-sumber sekunder juga diperolehi dari perpustakaan-perpustakaan seperti Perpustakaan Tunku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Pendeta Za'ba Universiti Malaya dan Perpustakaan Negara untuk mendapatkan buku-buku, majalah dan kajian umum mengenai tajuk ini.

Pengkaji juga melakukan penilaian secara terperinci terhadap semua dapatan yang diperolehi daripada pelbagai sumber.⁵ Hal ini kerana tidak semua data atau sumber maklumat yang diperolehi mempunyai kebenaran yang objektif. Proses penilaian sumber terbahagi kepada dua iaitu penilaian luaran dan dalaman. Penilaian luaran sangat penting untuk menentukan keaslian sumber. Kritikan luaran adalah





untuk menentukan ketulenan dan keaslian sesuatu sumber sejarah. Jika sumber-sumber yang diuji dan dikritik itu didapati palsu atau tiruan, maka dengan sendirinya sumber-sumber itu tidak akan dirujuk lagi dalam kajian sejarah.⁶ Manakala penilaian dalam pula adalah bagi menentukan isi kandungan tersebut, pengkaji harus bijak menilai sumber tambahan. Hal ini menunjukkan bahawa penilaian sumber sangat penting dalam kajian kerana terdapat data yang diperoleh dalam pelbagai bentuk.

Selain itu, pengkaji membuat tafsiran bagi sumber-sumber yang diperolehi secara saintifik bagi mengelakkan daripada bias. Pentafsiran adalah menerangkan sesuatu peristiwa sejarah itu berdasarkan sumber-sumber yang berkaitan dengannya.⁷ Pentafsiran yang objektif perlu mempunyai ciri-ciri seperti tidak berat sebelah, menggunakan sumber yang dikaji dengan menggunakan proses pengkajian yang sistematis, menggunakan sumber utama yang benar dan sumber dianalisis secara kritis dan jujur. Dengan adanya ciri-ciri ini, pentafsiran sejarah dapat dilakukan secara objektif oleh sejarawan tanpa sebarang percanggahan.

Penulis juga menggunakan penulisan laporan kajian secara deskriptif. Kaedah penulisan deskriptif merujuk kepada penghuraian yang teliti dan terperinci terhadap aspek-aspek yang dikaji. Hal ini kerana penulisan pengkaji adalah berbentuk fakta dan rencana. Pengkaji menghuraikan tentang sejarah penanaman koko di Pahang Barat dan perkembangan aktiviti-aktiviti penanaman koko yang giat dijalankan di Pahang Barat.

Selain itu, penulisan secara analitikal. Penulisan analitikal ialah mengemukakan isu-isu yang dikaji dengan menggunakan sumber yang sahih dan





berwibawa. Dalam menganalisis peranan yang dimainkan oleh kolonial British dan kerajaan di dalam membantu golongan petani di Pahang dari pelbagai aspek, maka pengkaji membuktikan peranan yang dimainkan oleh pihak British di dalam memberi bantuan-bantuan kepada para petani seperti anggaran belanjawan dan hasil pengeluaran pertanian koko di Pahang Barat. Kaedah ini juga digunakan untuk membuat perbandingan dan meneliti perubahan-perubahan yang berlaku dengan menilai hasil pengeluaran pertanian koko di Pahang Barat dan keadaan sosioekonomi petani di Pahang Barat setelah menerima bantuan dan program-program yang dilaksanakan oleh pihak British berdasarkan sumber asli yang berwibawa.



Secara umumnya, pengkajian mengenai tanaman koko banyak dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji yang terlibat dalam bidang botani tetapi masih kurang kajian dari sudut pensejarahannya. Hal ini kerana tanaman koko hanya disentuh secara umum sahaja oleh ahli-ahli akademik seperti penulisan daripada M. Arumugam a/l R. Muniandy yang bertajuk “*Satu Kajian Penanaman Koko di Malaysia dan Prospeknya*”.⁸ Dalam penulisan beliau, penulis mengupas mengenai usaha penanaman koko yang melibatkan sejarah perkembangan industri koko secara umum di Malaysia pada zaman sebelum dan selepas merdeka. Petani-petani giat menanam koko di kebun seperti getah dan kelapa sawit. Di Semenanjung Malaysia didapati bahawa penanaman koko lebih di sektor pekebun kecil yang kebanyakannya diselang-selikan dengan kelapa.





Kajian beliau juga lebih berfokus kepada selepas merdeka iaitu terhadap industri koko. Kerajaan telah memberikan tumpuan yang lebih kerana Malaysia mempunyai masa hadapan yang cerah dalam industri koko. Hal ini kerana industri koko didapati telah berkembang dengan pesat di Sabah dan Semenanjung Malaysia yang menjadikan Malaysia menduduki tempat ketiga dalam pengeluaran koko dunia. Faktor kejayaan ini disebabkan hasil program penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang meluas di sektor awam dan swasta yang disertai dengan penerimaan sistem penggredan (SMC) dan produktiviti koko yang diperbaiki, teknologi klon dan teknologi tuai terbaru termasuk fermentasi dan pengeringan bagi memastikan mutu koko Malaysia terbaik dan setaraf dengan mutu pengeluaran negara pengeluar koko dunia yang lain. Berbeza dengan kajian pengkaji yang menekankan kajian yang lebih khusus kepada kawasan di negeri Pahang Barat dan perkembangan koko pada zaman



Dapatan M. Arumugam a/l R. Muniandy turut disokong oleh Mohd Huzairi Bin Saribin di dalam penulisannya yang bertajuk “*Mereka Bentuk dan Menghasilkan Prototaip Mesin Membelah dan Mengeluarkan Isi Buah Koko*”⁹ yang mengupas mengenai penjagaan mutu pengeluaran biji-biji koko. Penulis berpendapat bahawa proses membelah buah dan pengasingan biji adalah merupakan satu langkah yang sangat penting di dalam menjamin kualiti mutu biji-biji koko. Hal ini kerana buah-buah koko mestilah dibelah dengan cara yang betul agar produktiviti biji-biji koko tidak rosak dan penggunaan alat-alat tajam adalah tidak digalakkan. Selain itu, penulisan beliau adalah berkisar mengenai asal usul dan sejarah perkembangan koko di Malaysia, cara penjagaan koko, kaedah penuaian, penapaian, pengeringan, pemeriksaan mutu, kelebihan buah koko, pasaran pengguna dan pengeluar serta





proses penghasilan koko kepada coklat. Namun begitu, kajian beliau adalah kajian sejarah perkembangan koko secara umum di Malaysia berbanding pengkaji yang mengkaji perkembangan tanaman koko di Pahang Barat.

Manakala Rosmawati Binti Abdul Wahab dalam penulisannya yang bertajuk “*Perkembangan Sektor Industri Koko di Malaysia: Satu Analisa Ekonometrik ke atas Pengeluaran, Gunatenaga, Harga Eksport dan Modal*”¹⁰ pula mengupas berkaitan langkah-langkah mengatasi masalah kemerosotan pengeluaran industri koko iaitu dengan mempelbagaikan hasil daripada biji koko dengan meningkatkan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan lebih banyak makanan berkhasiat yang berasaskan koko. Selain itu, promosi terhadap penggunaan domestik makanan berasaskan koko, mewujudkan lebih banyak pasaran tempatan dan antarabangsa iaitu dengan memperkenalkan kualiti koko di peringkat antarabangsa serta membuat perjanjian antara negara-negara pengimport dan pengeksport koko supaya mengelakkan salah faham berkaitan dengan harga koko dan meningkatkan lagi hubungan kerjasama teknikal yang lebih baik dan sentiasa memperbaiki kelemahan yang ada.

Penulis turut mengupas mengenai faktor yang mempengaruhi jumlah pengeluaran biji koko dan kemerosotan dalam industri koko adalah disebabkan jumlah guna tenaga, harga eksport bagi biji koko dan perbelanjaan modal. Di antara faktor kemerosotan penanaman koko kerana beliau berpendapat bahawa upah buruh di sektor pertanian sangat rendah berbanding dengan upah yang ditawarkan dalam sektor perkilangan dan harga koko dalam pasaran yang tidak menentu telah menyebabkan pengusaha tidak sanggup menanggung kerugian akibat harga yang



sentiasa menurun dan mereka telah beralih kepada tanaman kelapa sawit. Namun begitu, kajian beliau lebih berfokus kepada faktor kemerosotan industri koko sebelum merdeka berbanding pengkaji yang mengkaji perkembangan industri koko sebelum merdeka.

Kajian Rosmawati Binti Abdul Wahab juga telah disokong oleh Lau Kok Chin di dalam penulisannya yang bertajuk “*Cocoa Production in West Malaysia: Some Agro-Economic Aspects*” yang turut membicarakan mengenai faktor kemerosotan industri koko iaitu disebabkan faktor kejatuhan harga.¹¹ Selain itu, Lau Kok Chin berpendapat bahawa tahun 1990-an industri koko kembali mengalami kemalapan dalam pengeluarannya yang disebabkan oleh pelbagai faktor iaitu faktor pengurangan pengeluaran terhadap perusahaan tanaman koko yang menjasikan permintaan terhadap domestik dan antarabangsa. Selain itu, penulis turut menjelaskan mengenai kepentingan industri koko kepada ekonomi negara dan memberi sumbangan kepada sektor pekerjaan iaitu kepada para petani di dalam meningkatkan pendapatan mereka serta menyumbang kepada industri bahan mentah tempatan sehingga membawa kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Dalam penulisan beliau, Lau Kok Chin turut mengkaji mengenai perkembangan industri koko di Malaysia termasuk sejarah tanaman koko serta perkembangan industri koko di Malaysia dari tahap-tahap permulaan hingga tahun 1971. Selain itu, penulis membincangkan lain-lain aspek ekonomi berkenaan dengan industri koko di Malaysia. Tahun 1960-an merupakan titik peralihan industri koko di Malaysia bagi penulis kerana dengan pengenalan hybrid-hybrid yang berkualiti tinggi dan tahan penyakit sehingga Malaysia muncul sebagai pengeluar koko yang penting.



Pendapat Lau Kok Chin juga telah disokong oleh Lam Kee Seng dalam penulisan master beliau yang bertajuk “*High Density Planting of Budded Clonal Cocoa - an Agronomic Implication*”¹² yang berpendapat bahawa tahun 1990-an industri koko kembali mengalami kemalapan dalam pengeluarannya yang disebabkan oleh pelbagai faktor iaitu pengurangan terhadap perusahaan tanaman koko yang menjelaskan permintaan terhadap domestik dan antarabangsa. Selain itu, turut membicarakan mengenai kesan peningkatan kepadatan penanaman klon koko bertunas. Selain itu, penulis turut menjelaskan mengenai kepentingan industri koko kepada ekonomi negara dan memberi sumbangan kepada sektor pekerjaan iaitu kepada para petani di dalam meningkatkan pendapatan mereka. Di dalam penulisan beliau, Lau Kok Chin turut mengkaji mengenai perkembangan industri koko di Malaysia termasuk sejarah tanaman koko serta perkembangan industri koko di Malaysia dari tahap-tahap permulaan hingga masa kini iaitu tahun 1971.

Berbeza pula pendapat Wong Chee Yong yang dalam penulisannya bertajuk “*Some Marketing Aspects of Cocoa in West Malaysia: Its Present Set-up and Future Trend of Development*” yang membincangkan kemerosotan industri koko dari aspek masalah pemasaran.¹³ Pemasaran koko adalah merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh para petani terutama pekebun kecil dan pengusaha ladang untuk mengembangkan lagi sektor ini ke pasaran yang lebih luas. Beliau telah mencadang langkah-langkah mengatasinya. Di dalam penulisan beliau, penulis juga berpendapat bahawa sebagai negara membangun seperti negara yang lain sangat bergantung kepada pembangunan pertanian. Kerajaan seharusnya memainkan peranan penting di dalam memperbaiki dan mengembangkan bidang ini dengan menyediakan pelbagai



insentif kepada petani supaya tanaman koko ini dapat diusahakan dan dikembangkan dari berskala kecil kepada skala yang lebih besar. Skop kajian beliau juga adalah berkisar mengenai keadaan pengeluaran koko dunia termasuk Malaysia namun lebih menjurus kepada kawasan Malaysia Barat iaitu melibatkan negeri Johor, Selangor dan Perak kerana kawasan ini merupakan kawasan penyumbang utama pengeluaran koko Malaysia.

Manakala penulisan Ramadasan Krishnan yang dalam penulisan ilmiahnya yang bertajuk “*Studies on the Production of Rooted Cuttings of Theobroma Cacao L. Under Malaysia Conditions*”¹⁴ berkisar mengenai kaedah keratan berakar bagi koko jenis Theobroma yang sangat sesuai ditanam di Malaysia. Penulisan pengkaji turut berkisar mengenai pemasaran koko. Beliau berpendapat pemasaran koko merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh para petani terutama pekebun kecil dan pengusaha ladang untuk mengembangkan lagi sektor ini ke pasaran yang lebih luas. Beliau telah mencadang langkah-langkah mengatasinya.

Salah satu langkah mengatasi masalah pemasaran koko ialah kerajaan seharusnya memainkan peranan penting dalam memperbaiki dan mengembangkan bidang ini dengan menyediakan pelbagai insentif kepada petani supaya tanaman koko ini dapat diusahakan dan dikembangkan dari berskala kecil kepada skala yang lebih besar. Negara membangun seperti negara yang lain sangat bergantung kepada pembangunan pertanian. Skop kajian beliau juga adalah berkisar mengenai keadaan pengeluaran koko dunia termasuk Malaysia namun lebih menjurus kepada kawasan Malaysia Barat iaitu melibatkan negeri Johor, Selangor dan Perak kerana kawasan ini merupakan kawasan penyumbang utama pengeluaran koko Malaysia.



Pengkaji turut memilih penulisan daripada Janice Kaur yang bertajuk “*An Economic Study of the cocoa Industry in Malaysia*.¹⁵ Di dalam penulisan beliau, penulis mengupas mengenai industri koko di Malaysia dari masa tanaman itu mula-mula diperkenalkan dan seterusnya perkembangan industri koko di Malaysia dari tahap-tahap permulaan hingga ke masa kini. Penulis juga berpendapat bahawa walaupun koko bukan berasal daripada negara kita namun perkembangannya kurang dimajukan berbanding kelapa sawit dan getah. Pengeluaran tanaman ini tidak harus dibiarkan merosot kerana sumbangannya sangat besar kepada perkembangan ekonomi dan pendapatan negara. Beliau juga mencadangkan agar kecekapan dan peningkatan produktiviti harus ditingkatkan agar ekonomi tanaman koko ini terus berkembang.

Pendapat Janice Kaur disokong oleh Vijayakumari Kanapathy dalam penulisannya bertajuk “*An Economic Study of the Cacao Growing Industry of West Malaysia*.¹⁶ Dalam penulisan beliau, penulis mengupas kepentingan industri koko seperti memberi peluang pekerjaan dan sumbangan kepada pendapatan negara iaitu pertukaran mata wang asing dengan mengeksport hasil koko ke luar negara. Selain itu, penulis menekankan kepelbagaiannya ekonomi dan agronomi yang merupakan salah satu aspek industri koko di Malaysia Barat. Tanaman koko telah dijadikan sebagai tanaman tunggal dan tanaman selingen dengan kelapa dan kelapa sawit. Namun penekanan penulis adalah berkenaan dengan analisis perbandingan kewangan antara tanaman koko tunggal dan tanaman koko dengan kelapa yang ditanam secara skala besar. Penilaian ini dibuat dengan berdasarkan struktur kos daripada akaun estet dan hasil pendapatan daripada rancangan FELDA. Kajian ini juga akan mendedahkan bahawa tanaman koko bersama dengan kelapa adalah lebih menguntungkan dan





berdaya maju berbanding dengan tanaman koko secara tunggal dengan mengambil kira dari segi harga, hasil dan kos pengeluaran.

Selain itu, pengkaji memilih penulisan latihan ilmiah daripada Lam Hee yang bertajuk *"Allocative Efficiency of Resource in Coconut, Cocoa and Coffe in Peninsular Malaysia with Indications for Diversification."*¹⁷ Di dalam penulisan beliau, penulis mengupas mengenai perkembangan ekonomi seperti kelapa, koko dan kopi. Kajian beliau lebih berfokus kepada tiga jenis tanaman ini kerana merupakan tanaman sampingan kepada tanaman getah dan kelapa sawit ekoran harga yang tidak menentu dalam kedua-dua tanaman tersebut sejak tahun 1950 dengan harga yang jatuh teruk. Hal ini menyebabkan tanaman tersebut diperkenalkan selain faktor kesesuaian tanah dan iklim di Malaysia. Kajian beliau menjurus kepada bidang pengeluaran ekonomi tanaman kelapa, koko dan kopi di utara Malaysia dan kepentingannya kepada negara.

Selain itu, turut disentuh mengenai permintaan terhadap pengeluaran kelapa, koko dan kopi, masalah pengeluaran dan cadangan mengatasinya. Lam Hee berpendapat bahawa tanaman koko dan kopi sangat sesuai dijadikan sebagai tanaman selingan dengan kelapa. Selain itu, beliau mengulas dari sudut kepentingan tanaman koko iaitu memberi pendapatan yang lumayan kepada pengeluar tetapi dapat mengurangkan tukaran mata wang asing kerana negara tidak perlu mengimport tiga komoditi ini dari negara lain. Beliau juga berpendapat bahawa pihak berkuasa harus mengambil langkah yang sewajarnya untuk memperbaiki dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh petani agar ekonomi tiga komoditi ini dapat digiatkan di Malaysia Barat dari bercorak sara diri kepada lebihan pengeluaran untuk eksport ke luar negara.



Manakala Lee Hoon Hui dalam penulisannya yang bertajuk “*Vertebrate Pest Species of Cocoa with Special Reference to Rodent Management in Peninsular Malaysia*”¹⁸ pula mengupas mengenai masalah yang dihadapi oleh petani terutama dalam penanaman koko iaitu akibat serangan binatang seperti tikus, monyet, babi, burung belatuk dan tupai. Beliau juga telah mencadangkan langkah-langkah mengatasi iaitu dengan menggunakan perangkap besi yang diletakkan di atas dan di bawah pokok untuk menjerat binatang yang memusnahkan tanaman koko para petani. Selain itu, penggunaan racun turut digunakan untuk membunuh binatang perosak tanaman koko.

Kajian oleh Siti Salmiah Bt Yaakob yang bertajuk “*Sejarah Pembangunan Pertanian di Negeri Pahang Darul Makmur 1957-1970*”.¹⁹ Dalam penulisan beliau, kupasan lebih berkisar kepada mengenai sejarah awal perkembangan ekonomi pertanian di negeri Pahang pada era sebelum merdeka. Selain itu, Siti Salmiah Bt Yaakob turut menyentuh mengenai dasar, strategi dan perlaksanaan pembangunan pertanian di negeri Pahang Darul Makmur pada tahun 1957 sehingga tahun 1970. Penulisan beliau juga lebih berkisar kepada aktiviti pertanian yang dijalankan di negeri Pahang dan kesannya kepada pembangunan ekonomi Pahang.

Berbeza pula dengan Faridah Bt Mohd Salleh, yang menulis mengenai “*Sejarah Perkembangan Ekonomi Negeri Pahang 1945-1957*”²⁰. Penulisannya berkisar mengenai sejarah perkembangan ekonomi negeri Pahang sebelum merdeka. Kajian beliau lebih menjurus kepada aktiviti pertanian seperti tanaman getah, kelapa sawit, padi, sayur-sayuran dan teh. Selain itu, Faridah Bt Mohd Salleh turut mengupas

mengenai perkembangan lain-lain ekonomi yang terdapat di Pahang seperti perlombongan, perikanan, pembalakan dan perusahaan.

Penulisan ilmiah daripada Noorizan Binti Jamaludin yang bertajuk “*Perkembangan Kegiatan Ekonomi di Daerah Raub, Pahang Darul Makmur Selepas Kemerdekaan (1957-2009)*”.²¹ Kajian beliau mengupas mengenai asal usul nama Raub dan kegiatan ekonomi yang wujud di negeri tersebut iaitu sebelum merdeka, semasa zaman British dan selepas merdeka. Selain itu, penulis turut menyentuh mengenai aktiviti pertanian yang wujud daerah Raub sebelum kedatangan British dan selepas kemerdekaan. Namun penulisan hanya lebih berkisar mengenai kegiatan pertanian seperti padi, pisang, tembakau dan getah serta kelapa sawit.

Hal ini menyebabkan pengkaji berminat untuk membuat kajian mengenai tanaman koko di Pahang Barat yang meliputi daerah Raub kerana kajian mengenai tanaman koko di Raub dari sudut pensejarahannya belum dikaji dengan lebih mendalam. Selain itu, penulisan beliau juga berkisar mengenai perkembangan kegiatan ekonomi pertanian di Raub yang dipengaruhi oleh pemberian bantuan kerajaan dari pelbagai agensi seperti FELDA, Jabatan Pertanian, Persatuan Peladang dalam meningkatkan pengeluaran mereka. Penulis turut menyentuh mengenai Dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Rancangan Malaysia (RMK). Selain itu, penulis turut menjelaskan mengenai sejarah kegiatan perlombongan emas yang wujud di Raub kerana daerah tersebut kaya dengan hasil perlombongan emas.

Kajian Amarjit Kaur yang bertajuk “*The Origins of Cocoa Cultivation in Malaysia*”²² telah mengupas mengenai asal usul penanaman koko di Malaysia dan

faktor perkembangan perusahaan koko di Malaysia sebelum dan selepas merdeka yang melibatkan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Tanaman koko telah dijadikan sebagai tanaman komersil semasa pemerintahan kolonial kerana kejatuhan harga getah dunia yang telah menyebabkan koko dijadikan sebagai tanaman gantian. Selepas merdeka, kerajaan telah memberikan pelbagai insentif dan bimbingan kepada pekebun kecil untuk menarik minat supaya terlibat di dalam penanaman tanaman koko. Koko juga telah didapati ditanam bersama-sama dengan kelapa terutama di kawasan Barat Malaysia dan Sarawak oleh pekebun kecil dan secara ladang. Sektor pertanian memainkan peranan sangat penting dalam pembangunan negara.

Manakala Lee C.H di dalam jurnalnya yang bertajuk “*Planting Cocoa-Challenges and Reality in Malaysia*”²³ pula mengupas mengenai penanaman koko di Malaysia pada masa kini yang telah melalui era kejatuhan. Penulis berpendapat bahawa koko ditanam pada masa kini secara kecil-kecilan oleh pekebun kecil kerana terdapat banyak cabaran dankekangan untuk mengusahakan koko secara secara besar-besaran. Di antara faktor-faktor yang menyebabkan kurangnya penglibatan petani dalam penanaman koko ialah persaingan dengan minyak sawit dan getah serta kekangan tenaga kerja di dalam sektor ini. Bagi perkembangan pengeluaran yang lebih mapan, penulis berpendapat bahawa penanaman koko perlu dilakukan secara besar-besaran dan diperkuuh dengan pembentukan persatuan dan koperasi yang mempunyai kekuatan komuniti sosial untuk mendapatkan keuntungan yang lebih. Selain itu, prospek Malaysia untuk meningkatkan pengeluaran hasil koko dalam merealisasikan potensi ekonomi adalah sangat bergantung kepada usaha pemulihan dan mengukuhkan keyakinan penanam dan para petani terhadap penanaman koko. Aspek kecekapan pengurusan yang baik dan penjaminan kualiti amat dititik beratkan

iaitu melalui penggunaan amalan pertanian terbaik serta pembangunan teknologi melalui R & D yang dijalankan oleh Lembaga Koko Malaysia.

Malah, daya usaha pekebun kecil terhadap pengeluaran biji koko boleh dipertingkatkan dengan pembentukan Persatuan Penanam Koko di kawasan masing-masing. Ini juga memudahkan perkongsian pengetahuan dan kepakaran teknikal di kalangan petani. Selain itu, kerajaan dapat menyalurkan insentif dan meningkatkan kehidupan masyarakat luar bandar dengan akses yang mudah. Hal ini dapat mengurangkan jurang kekayaan di antara bandar-bandar dan kawasan luar bandar dan juga menghalang masalah penghijrahan dari kawasan luar bandar ke bandar-bandar. Selain itu, inovasi produk dan aktiviti-aktiviti promosi dalam pasaran domestik dan antarabangsa perlu dalam pembangunan produk koko yang bermutu bagi memenuhi keperluan pasaran dan menjamin kualiti. Walau bagaimanapun, trend pertumbuhan masa depan industri koko Malaysia adalah sangat bergantung kepada keupayaan dan kecekapan serta kualiti dalam mengukuhkan produktiviti. Selain itu, tahap penguasaan pasaran juga bergantung kepada kedudukan ekonomi serantau dan global serta perkembangan politik semasa turut mempengaruhi permintaan dan penawaran koko produk koko.

Selain itu, pengkaji turut menyelidik kajian Mohd Samsudin yang bertajuk “*Pahang Sekitar Abad ke 19 menurut Pandangan Pegawai-pejawai British*”.²⁴ Jurnal ini mengupas mengenai keadaan masyarakat di negeri Pahang menurut laporan dan pandangan yang diberikan oleh pegawai-pejawai British sebelum pentadbiran British di negeri Pahang. Penulis menggunakan dokumen daripada sumber penulisan pegawai-pejawai British sekitar abad ke 19 yang memberi gambaran keadaan negeri

Pahang dengan jelas. Selain itu, penulis turut mengupas mengenai golongan masyarakat mengikut kegiatan ekonomi. Penulis juga menyentuh mengenai kegiatan ekonomi negeri Pahang pada abad ke 19 yang mempunyai sumber kekayaan hasil bumi seperti emas sehingga telah menarik minat pegawai-pegawai British untuk campur tangan di negeri Pahang. Namun penulisan hanya lebih berkisar mengenai sektor ekonomi perlombongan berbanding pertanian.

Pengkaji turut memilih rencana daripada Hasnah Ali dan Nor Aini Haji Idris yang bertajuk “*Peranan Program-program Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) dalam Konteks Pemodenan Sektor Luar Bandar : Satu Penilaian*”.²⁵ Rencana ini membincangkan tentang program pembangunan dan halangan perlaksanaan program pertanian bersepadu (IADP) yang dinilai dalam konteks pemodenan sektor luar bandar. Pahang Barat adalah merupakan salah satu kawasan projek IADP. Perlaksanaan program yang bertujuan untuk memodenkan sektor pertanian, menyusun semula masyarakat luar bandar, menggalakkan industri pertanian dan menyediakan kemudahan infrastruktur telah melibatkan pelbagai strategi dan agensi. Selain itu, penulis turut mengupas mengenai kesan perlaksanaan program IADP terhadap peningkatan pendapatan petani yang masih belum memuaskan kerana pembentukan petani yang boleh berdikari terutama dalam kalangan petani miskin tidak berjaya. Banyak kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki termasuk kelemahan dasar dan perlaksanaan. Oleh itu, penulis telah memberi kupasan secara lebih mendalam dengan mencadangkan beberapa langkah untuk mengatasi masalah kelemahan ini iaitu seperti melalui pembentukan pelan tindakan pembangunan daerah yang lebih komprehensif, peningkatan keupayaan perancangan dan pelaksaan di peringkat daerah.

Seterusnya, membuat rujukan buku “*Pengeluaran Koko di Malaysia*” yang ditulis oleh Othman Abd. Samah.²⁶ Buku ini mengupas mengenai tanaman koko dan perkaitannya dengan penemuan baru hasil penyelidikan khususnya tentang fermentasi dan pengeringan koko. Pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan lama dan baru digabungkan untuk mendapatkan mutu koko yang tinggi. Selain itu, penulisan beliau menekankan aspek botani, ciri kesesuaian iklim dan tanah, rawatan penyakit, kaedah penanaman dan penuaian disamping membincangkan masalah yang dihadapi serta mencadangkan penyelesaiannya. Beliau mengupas mengenai masalah koko dan usaha untuk memperbaiki mutu koko dan penyelidikan sedang giat dijalankan untuk meningkatkan mutu koko di Malaysia iaitu melalui agensi seperti MARDI, LKM, pusat penyelidikan swasta dan universiti setempat. Usaha sedang giat dijalankan untuk memodenkan teknik pertanian dan meluaskan pemasaran supaya pertumbuhan industri koko menjadi lebih maju iaitu dengan memperbaiki mutu koko, meninjau pasaran koko, mengikut piawaian koko antarabangsa dan mengadakan strategi pembangunan serta penyelarasaran di peringkat kebangsaan terhadap agensi yang terlibat dalam pembangunan industri koko.

Selain itu, pengkaji turut memilih buku “*Pemeliharaan Tanaman Koko*” yang ditulis oleh Mazlina Ismail.²⁷ Buku ini berkisar mengenai cara penjagaan pokok koko iaitu seperti pembajaan dan pengolahan tanah dan perosak utama tanaman koko seperti penyakit dan binatang perosak dan cara mengatasinya. Contoh penyakit ialah seperti busuk buah, kanser batang, *antraknose-colletrichum*, *vascular streak dieback*, kulat upas dan penyakit akar. Selain itu, berkisar mengenai kepentingan penggunaan rumpai di ladang koko dan cara mengatasinya dengan penggunaan racun perosak.

Pengkaji turut memilih buku “*Teh dan Koko*” yang ditulis oleh Rathmanja²⁸ yang berkisar mengenai sejarah tanaman koko. ciri-ciri, keperluan tanaman-tanaman terhadap iklim dan tanah, hasil pengklonan, perosak dan penyakit tambahan, penjagaan koko serta proses pengeluaran dan pemungutan hasil serta kegunaan koko. Buah koko yang baik dapat menjamin mutu yang baik. Berasaskan mutu ini serbuk koko digredkan semasa dieksport. Kegunaan koko ialah seperti sebagai minuman, aiskrim dan kuih muih. Penulis berpendapat bahawa koko memainkan peranan penting dalam industri membuat biskut, aiskrim dan roti. Pokok koko tidak lari dari serangan penyakit seperti penyakit akar putih dan akar merah, penyakit buah hitam dan serangga perosak iaitu seperti belalang kunyit, ulat kupu-kupu dan ulat bungkus. Beliau menyarankan langkah mengatasi iaitu seperti kerja-kerja membersih parit-parit yang tersumbat, rumput-rampai mesti selalu dilakukan untuk mengelakkan masalah penyakit ini. Pokok-pokok yang diserang perlu dibuang dan dibakar supaya tidak merebak ke tanaman lain.

Dengan ini berdasarkan ulasan kajian-kajian terdahulu pengkaji dapat menilai dan menjadikan kajian terdahulu ini sebagai garis panduan untuk menghasilkan penulisan latihan ilmiah yang berwibawa. Untuk itu, satu kajian perlu dilakukan bagi mengenal pasti sejarah perkembangan tanaman koko di Pahang Barat secara mendalam kerana kajian yang dibuat oleh pengkaji lain adalah secara umum. Selain itu, pengkaji turut menjelaskan peranan yang dimainkan oleh pihak kolonial British dalam pembangunan pertanian dalam semua aspek dan mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha membangunkan sektor pertanian ini berdasarkan bukti-bukti yang kukuh. Namun tanaman ini mengalami zaman kejatuhan



kerana disebabkan oleh faktor-faktor tertentu yang diuraikan oleh pengkaji dalam kajianya.

1.10 Definisi Istilah

Wilayah Pahang Barat

Terdiri daripada enam buah daerah di Pahang iaitu daerah Raub, Bentong, Maran, Temerloh, Jerantut dan Kuala Lipis.

Koko

Koko termasuk dalam jenis *Theobroma*, family *Sterculiaceae*, iaitu satu kumpulan pokok kecil yang terdapat di Amazon dan kawasan tropika di Selatan dan tengah Amerika. Terdapat lebih 20 spesies semuanya tetapi hanya *Theobroma cacao L.* yang ditanam secara meluas. *Theobroma cacao L.* berasal dari Amerika Selatan, iaitu di kawasan Sungai Amazon dan tersebar ke bahagian tengah Amazon - Guyana serta bahagian barat daya dan barat laut selatan Mexico. Pemisahan genus *Theobroma* oleh Segenting Panama telah menghasilkan dua populasi *Theobroma* yang berbeza.²⁹

Sejarah awal penanaman koko telah menjadi spekulasi. Ahli-ahli sejarah percaya Olmecs pertama kali menemui bahawa buah koko boleh dimakan dengan memerhatikan tikus makan dengan ratusnya. Mereka mula menyedari bahawa pokok koko menghasilkan buah dengan seribu rasa dan mempunyai banyak kegunaannya. Dipercayai Olmecs (1500-400SM) adalah manusia pertama yang memakan '' coklat,





pada asalnya dalam bentuk minuman. Mereka menghancurkan biji koko, dicampur dengan air dan menambah rempah ratus, cili dan herba. Mereka mula menanam koko di khatulistiwa Mexico. Lama kelamaan, orang Maya (600SM) dan Aztec (400AD) membangunkan kaedah yang berjaya untuk menanam koko di Amerika Selatan. Biji koko telah digunakan sebagai mata wang dan unit pengukuran, di mana 400 biji menyamai satu Zontli dan 8,000 biji menyamai satu Xquipilli. Semasa perang mereka dengan orang Aztec dan Maya, orang Chimimeken lebih suka kaedah mengenakan cukai dalam bentuk biji koko ke atas kawasan-kawasan yang ditakluki mereka.³⁰

Bagi tamadun mereka, koko merupakan simbol kemewahan. Ia telah digunakan dalam upacara keagamaan khususnya untuk Quetzalcoatl, dewa Aztec yang bertanggungjawab membawa pokok koko kepada manusia untuk Chak Ek. Chuah, Santa Penaung Koko Maya dan sebagai persembahan di pengebumian bangsawan. Pengeluaran koko menjadi makin maju apabila orang berhijrah ke seluruh Meso-Amerika, tetapi minuman koko kekal sebagai satu keistimewaan bagi kelas-kelas atasan dan untuk tentera dalam perang. Pada masa ini, kebaikan koko dalam menyegarkan semula dan menguatkan badan telah diterima dan diiktiraf secara meluas.³¹



1.11 Pembahagian Bab Kajian

Dalam penulisan ini, pengkaji telah membahagikannya kepada 6 bab. Sinopsis kajian dalam bab pertama dalam latihan ilmiah ini akan menerangkan mengenai kertas cadangan bagi latihan ilmiah ini. Bab pertama juga merangkumi pengenalan yang melibatkan beberapa perkara iaitu menerangkan mengenai kepentingan pemilihan tajuk kajian, skop kajian, kepentingan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, ulasan-ulasan yang dibuat berdasarkan kajian terdahulu, hipotesis atau kesimpulan awal kajian, permasalahan kajian, metodologi kajian, ringkasan bab dan juga cadangan sumber asli yang digunakan untuk menganalisis kajian.

Sinopsis kajian dalam bab kedua ialah mengkaji tentang latar belakang Pahang Barat. Di dalam bab ini, pengkaji mengkaji sejarah Pahang Barat dan komposisi masyarakat yang melibatkan demografi penduduk Pahang Barat, pembentukan masyarakat majmuk dan penglibatan masyarakat tempatan dalam pertanian serta perkembangan ekonomi di Pahang Barat. Selain itu, pengkaji turut menjelaskan mengenai perkembangan jalan perhubungan di Pahang Barat. Kedudukan geografi kawasan koko yang giat dijalankan di Pahang Barat yang melibatkan bentuk muka bumi, sungai, tanah pamah dan keluasan turut dinyatakan oleh pengkaji di dalam bab ini.

Sinopsis kajian dalam bab ketiga pula pengkaji menyentuh tentang perkembangan penanaman koko di Pahang Barat sebelum merdeka iaitu ketika era kolonial British. Selain itu, di dalam bab ini pengkaji menjelaskan mengenai matlamat penanaman koko dan perkembangan tanaman koko ketika zaman kolonial. Di dalam

bab ini, pengkaji juga turut menjelaskan peranan pihak British dalam memperkenalkan pelbagai dasar melalui usaha kerajaan pusat dan kerajaan negeri dan fungsi agensi-agensi tertentu bagi membantu membangunkan bidang pertanian penanaman koko di Pahang Barat. Selain itu, melalui pemberian insentif bagi menggalakkan para petani menceburi dan meningkatkan hasil pengeluaran pertanian serta memastikan para petani dapat memasarkan hasil pertanian mengikut saluran yang betul. Hal ini menyebabkan banyak tanah yang telah diteroka untuk pembangunan tanaman koko.

Sinopsis kajian dalam bab keempat pula membincangkan mengenai kesan dan kepentingan tanaman koko di Pahang Barat. Selain itu, pengkaji turut membuat penilaian sejauhmana sumbangan penanaman koko di Pahang Barat terhadap ekonomi negara terutama dalam sektor ekonomi tempatan iaitu dalam sektor pembuatan makanan dan kepada eksport negara. Pengkaji turut menilai kesan perkembangan tanaman koko kepada kemajuan Pahang Barat. Selain itu, pengkaji turut menilai penglibatan masyarakat dalam perkembangan tanaman koko di Pahang Barat.

Sinopsis kajian dalam bab kelima pula ialah mengenai masalah dan cabaran tanaman koko di Pahang Barat. Di dalam bab ini, pengkaji menjelaskan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan dan para petani untuk mengusahakan tanaman koko. Di antara cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dan para petani ialah di dalam membangunkan sektor tanaman komersil koko seperti persaingan dengan tanaman lain, masalah modal, serangan penyakit dan perosak, banjir, dan persaingan dengan coklat sintetik yang memberi kesan kepada pengurangan pengeluaran hasil koko di Pahang Barat.



Akhir sekali, pengkaji membuat satu rumusan terhadap tajuk kajian tersebut. Dalam bab 6 ini, pengkaji akan mengulas dan membuat sedikit kesimpulan terhadap sejarah perkembangan penanaman koko di Pahang Barat serta peranan kerajaan British dan fungsi agensi-agensi tertentu di dalam usaha membantu membangunkan bidang pertanian penanaman koko di Pahang Barat. Namun begitu, penanaman koko di Pahang Barat turut menghadapi cabaran di dalam proses perlaksanaan penanamannya.

1.12 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kesan kejatuhan harga getah dan peningkatan harga koko di pasaran telah menarik minat pihak British untuk memperkembangkan tanaman koko di Tanah Melayu terutamanya Pahang Barat. Hal ini disebabkan oleh faktor kesesuaian jenis tanah Pahang Barat yang sesuai untuk tanaman koko dimajukan di Pahang Barat. Oleh itu, kajian yang dilakukan memfokuskan kepada perkembangan koko di Pahang Barat. Pada bab yang selanjutnya, kajian ini memaparkan berkaitan sejarah Pahang Barat. Oleh yang demikian, pada bab berikutnya iaitu bab 2, penyelidik memperincikan berkaitan dengan sejarah latar belakang Pahang Barat sebelum dan selepas kedatangan British bagi memperlihatkan latar belakang Pahang Barat yang menjadi tumpuan pihak kolonial British dalam memajukan tanaman koko di wilayah tersebut.



Nota

- ¹ Fortnight Press Digest. 4 May 1955. Cocoa. Hal. 9.
- ² B. Miles, Matthew dan Huberman. A. Michael. 1994. Qualitative Data Analysis. United States of America: SAGE Publications. Inc. Hlm. 1.
- ³ W. Creswell, John. 2005. Educational Research Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. New Jersey : Pearson Education International. Hlm. 3
- ⁴ Hermeneutik adalah konsep secara meluas, adalah seni dan sains tafsiran terhadap teks. Secara tradisional adalah kajian tafsiran teks bertulis, terutamanya teks dalam bidang sastera, sejarah, agama dan undang-undang. Nabir Hj Abdullah, et. al. 2013. Kaedah Penyelidikan & Penulisan Sejarah. Tanjung Malim: Emeritus Publications. Hlm. 111.
- ⁵ Sahlan Mohd Saman. 1985. Kritikan: Situasi Mutakhir dan Arah Masa Depan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 59
- ⁶ Abdul Rahman Haji Abdullah. 1994. Pengantar Ilmu Sejarah, Siri Pendidikan Jarah Jauh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 76.
- ⁷ Muhd Yusof Ibrahim. 2000. Ilmu Sejarah Falsafah, Pengertian dan Kaedah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 191. Lihat juga Qasim Ahmad. 2004. Karya Sejarah Pendekatan dan Persoalan Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 11.
- ⁸ M. Arumugam a/l R. Muniandy. "Satu Kajian Penanaman Koko di Malaysia dan Prospeknya". Latihan Ilmiah. Universiti Malaya. 1989.
- ⁹ Moh Huzairi Bin Saribin. "Mereka Bentuk dan Menghasilkan Prototaip Mesin Membelah dan Mengeluarkan Isi Buah Koko". Latihan Ilmiah. Universiti Teknikal Malaysia Melaka. 2009.
- ¹⁰ Rosmawati Binti Abdul Wahab. "Perkembangan Sektor Industri Koko di Malaysia: Satu Analisa Ekonometrik ke atas Pengeluaran, Guna Tenaga, Harga Eksport dan Modal". Universiti Malaya. Latihan Ilmiah. 2000.
- ¹¹ Lau Kok Chin. "Cocoa Production in West Malaysia: Some Agro- Economic Aspects". Latihan Ilmiah. Universiti Malaya. 1971.
- ¹² Lam Kee Seng. "High Density Planting of Budded Clonal Cocoa-an Agronomic Implication". Sarjana. Universiti Malaya. 1996.
- ¹³ Wong Chee Yoong. "Some Marketing Aspects of Cocoa in West Malaysia: Its Present set-up and Future Trend of Development". Latihan Ilmiah. Universiti Malaya. 1972.
- ¹⁴ Ramasan Krishnan. "Studies on the Production of Rooted Cuttings of Theobroma cacao L. Under Malaysian Conditions". Latihan Ilmiah. Universiti Malaya. 1979.
- ¹⁵ Janice Kaur. "An Economic Study of the Cocoa Industry in Malaysia". Latihan Ilmiah. Universiti Malaya. 1987
- ¹⁶ Vijayakumari Kanapathy. "An Economic Study of the Cocoa Growing Industry of West Malaysia". Latihan Ilmiah. Universiti Malaya. 1980.
- ¹⁷ Lam Hee. "Allocative Efficiency of Resources in Coconut, Cocoa and Coffe in Peninsular Malaysia with Indications for Diversification". Latihan Ilmiah. Universiti Malaya. 1975.
- ¹⁸ Lee Hoon Hui. "Vertebrate Pest Species of Cocoa with Special Reference to Rodent Management in Peninsular Malaysia". Doktor Falsafah. Universiti Malaya. 1995.
- ¹⁹ Siti Salmiah bt. Yaacob. "Sejarah Pembangunan di negeri Pahang Darul Makmur 1957-1970". Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia. 1988.
- ²⁰ Faridah Bt Mohd Salleh. "Sejarah Perkembangan Ekonomi Negeri Pahang 1945-1957". Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia. 1996.
- ²¹ Noorizan Binti Zakaria. "Perkembangan Kegiatan Ekonomi di daerah Raub, Pahang Darul Makmur". Latihan Ilmiah. Universiti Malaya. 2011.
- ²² Amarjit Kaur. 1995. *The Origins of Cocoa Cultivation in Malaysia*. JMRAS. Vol.68, No.1 (268): 67-80
- ²³ Lee C.H. *Planting Cocoa- Challenges and Reality in Malaysia*. Malaysia Cocoa Board.
- ²⁴ Mohd Samsudin. 2010. Pahang Sekitar Abad ke 19 menurut Pandangan Pegawai-pegawai British. *Malaysia Journal of History, Politics, & Strategic Studies*. 37(2010): 105-121.
- ²⁵ Hasnah Ali dan Nor Aini Haji Idris, "Peranan Program-program Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) dalam Konteks Pemodenan Sektor Luar Bandar : Satu Penilaian" dlm. Mohd Yusof Kasim dan Md. Zyadi Md. Tahir (Penyunting), 1994. *Ekonomi Malaysia: Beberapa Isu Utama*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hal. 242-270.



-
- ²⁶ Othman Abd. Samah. 1993. *Pengeluaran Koko di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ²⁷ Mazlina Ismail. 2000. *Pemeliharaan Tanaman Koko*. Kuala Lumpur: Synergy Media
- ²⁸ Rathmanja. 1997. *Teh dan Koko*. Kuala Lumpur: Jaya Bakti
- ²⁹ Othman Abd. Samah, 1993. Pengeluaran Koko di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hal. 1
- ³⁰ Lembaga Koko Malaysia, 2014. Manual Latihan “Keselamatan Koko”: Pembangunan Modal Insan dan Perkongsian Pengetahuan dan Perkongsian Pengetahuan dalam Piawaian Sanitari dan Fitosanitari (SPS) Koko di Asia Tenggara. Sabah: Lembaga Koko Malaysia. Hal. 9
- ³¹ *Ibid.* Hal. 10

